

UCAPAN (VERBATIM)
YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA
DI MAJLIS MAKAN MALAM SPA BERSAMA YAB PM
PADA 11 JANUARI 2010
DI PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
1Malaysia.

Y. Bhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan

Ketua Setiausaha Negara dan Puan Sri

Y. Bhg. Tan Sri Jamaluddin bin Hj Ahmad Damanhuri

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dan Puan Sri

Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Para Penjawat Awam, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang
saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah pada malam yang berbahagia ini kita dapat bersama-sama berkumpul di Majlis Makan Malam SPA. Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia kerana telah

membuat keputusan untuk menjemput saya hadir di majlis ini dan saya difahamkan inilah kali pertama undangan seperti ini dibuat kepada seorang Perdana Menteri untuk hadir dalam Majlis Makan Malam SPA.

2. Saya amat menghargai jemputan daripada pihak SPA kerana SPA mempunyai peranan yang besar dan sangat signifikan dalam menentukan kualiti perkhidmatan awam negara. Ini adalah kerana SPA sebagai pihak berkuasa melantik kira-kira 50% dari penjawat awam negara. Oleh itu, ketepatan keputusan yang dibuat oleh SPA nanti akan menjadi penentu utama sama ada perkhidmatan awam di negara kita ini akan dianggotai oleh para penjawat awam yang terbaik di kalangan yang baik. Salah satu daripada prinsip tonggak yang menjadi pegangan dan penghayatan perkhidmatan awam sejak dahulu lagi ialah bahawasanya perkhidmatan awam merupakan sebuah perkhidmatan yang *totally professional* dalam erti kata perkhidmatan awam bertindak sebagai para penjawat awam yang *apolitical* menyokong dan menterjemahkan apa jua hasrat kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Ini merupakan salah satu dari prinsip yang suci ataupun *sacrosanct* dalam negara kita. Jika kita hendak negara kita ini maju, negara kita ini mencapai kejayaan demi kejayaan maka sebagai seorang penjawat awam

tidak kira apa jua pendapat peribadi kita, kita mesti berpegang kukuh dan teguh pada prinsip bahawa perkhidmatan awam adalah *totally professional service*.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Sebagai sebuah negara kita bertuah jika kita menyingkap kembali dari segi sejarah negara kita, memang salah satu daripada yang kita mewarisi daripada pihak penjajah ialah sebuah perkhidmatan awam yang boleh diharapkan dan boleh dipercayai. Sebagai kuasa penjajah pihak British memang mempunyai motif dan tujuan tertentu dan bukanlah mereka bersikap sangat *altruistic* terhadap negara kita. Namun, jika kita bandingkan dengan kuasa-kuasa penjajah yang lain mungkin kita lebih bernasib baik dalam dari segi sekurang-kurangnya pihak British meninggalkan satu *service*, *Civil Service* yang boleh dijadikan sebagai asas kepada kita untuk terus membangunkan *Civil Service* kita tetapi asasnya, *the foundation* sekurang-kurangnya telahpun diserahkan kepada kerajaan kita selepas kemerdekaan. Masa sudah berlalu, masa sudah berjalan, kini kita berada dalam abad ke-21. Kita berada dalam persekitaran - *environment* yang lebih mencabar lagi jika kita

banding dengan masa-masa yang lalu. Kita berdepan dengan pelaku-pelaku baru, *new emerging competitors* terhadap negara kita yang dulunya negara mereka itu tertutup, negara mereka itu menggunakan ideologi yang menyebabkan ideologi itu tidak mengizinkan mereka untuk mengamalkan dasar-dasar yang lebih terbuka.

4. Hari ini senarionya amat berbeza, kita terpaksa bersaing dengan lebih banyak negara yang dulunya tidak merupakan pesaing kita tetapi hari ini mereka menjadi pesaing kita. Kita berdepan dengan tuntutan masyarakat hari ini yang lebih terdidik berbanding dengan masa-masa yang lalu. Mereka mempunyai taraf pendidikan yang tinggi kerana kejayaan kita, kerana dasar kita, tetapi oleh kerana mereka lebih tinggi taraf pendidikan maka jangkaan atau pun *expectation* mereka terhadap kerajaan jauh lebih tinggi hari ini berbanding dengan masa-masa yang lalu. Kita juga terpaksa tangani dengan isu-isu yang begitu kompleks hari ini yang menuntut kepada kita untuk lebih bersedia lagi. Jika kita lihat kepada penjawat-penjawat kita yang dulu hari ini tentu sekali tuntutanannya lebih mencabar, lebih kompleks dan lebih *sophisticated* lagi. Sebab itu peranan perkhidmatan awam mestilah berani ke hadapan dan berada di kelok pembaharuan.

Saya tertarik dengan tema makan malam kita pada malam ini **BERSAMA MENGGALAS TRANSFORMASI.** Bererti bahawa SPA juga ingin berada di kelok pembaharuan bersama-sama dengan tuntutan negara kita. Dan saya amat berterima kasih kerana saya melihat walaupun kita mewarisi perkhidmatan awam dengan legasinya zaman British dulu, yang biasanya begitu *rigid* dengan kaedah-kaedah yang diamalkan tetapi hari ini saya berbangga bahawa saya melihat *the Malaysian Civil Service* begitu terbuka pemikirannya sanggup untuk mencuba kaedah pendekatan yang terbaru yang mungkin boleh membawa kepada hasil yang lebih besar.

5. Sehubungan ini, saya nak berterima kasih kepada Y.Bhg. Tan Sri Sidek, Ketua Setiausaha Negara dan Y.Bhg. Tan Sri Jamaluddin sebagai Pengerusi SPA kedua-duanya dan kepada rakan-rakan yang lain sangat responsif dan sangat terbuka kepada pembaharuan-pembaharuan yang patut kita lakukan. Umpamanya, apabila saya pernah sarankan dalam satu majlis supaya *recruitment* penjawat awam jangan terhad kepada kumpulan S41 sahaja. Apakah kita boleh melihat peringkat yang lebih tinggi lagi mungkin pada peringkat 54. Malah saya difahamkan bukan saja gred S41 tetapi pada Gred 53, 54 malah

pada Jusa C pun boleh dilantik secara terus dalam perkhidmatan awam. Malah sebentar tadi Y.Bhg.Tan Sri Sidek bisik pada saya ada kemungkinan pada peringkat staf 3 boleh dilantik dalam perkhidmatan awam kalau ada orang yang betul-betul berkemampuan tinggi untuk dilantik sebagai seorang penjawat awam. Ini merupakan contoh keterbukaan perkhidmatan awam supaya *entry point - multiple entry point* boleh merupakan satu pembaharuan yang saya percaya boleh menentukan bahawa penjawat – penjawat yang sudah terbukti kemampuannya sebelum ini dan minat untuk menjadi anggota perkhidmatan awam boleh dilantik sebagai seorang penjawat awam. Ini satu pembaharuan yang saya sangat rasa amat bangga dengan persetujuan yang telah dicapai oleh SPA dalam pelantikan seperti ini.

6. Saya juga berbangga bahawa sudah ada penerimaan apa yang dikatakan *the seamless flow* daripada GLC kepada perkhidmatan awam yang kita telahpun mulakan. Beberapa orang pegawai kita dalam perkhidmatan awam sedang bertugas di dalam GLC dan daripada GLC sudahpun kita terima masuk dalam perkhidmatan awam *on contract basis* dan ini adalah merupakan satu proses untuk menentukan bahawa adanya *cross fertilization of culture* antara perkhidmatan awam dan sektor swasta. Ini contoh kedua

yang saya nak sebutkan pada malam ini bahawa SPA dan perkhidmatan awam sanggup melakukan perubahan seperti ini. Saya juga ingin menyatakan kepada tuan-tuan dan puan-puan bahawa transformasi yang kita hendak buat ini ialah untuk ke arah menjayakan Malaysia sebagai sebuah negara moden - *A Modern Malaysia*. *A Modern Malaysia* bukan bererti moden dari segi GDP sahaja malahan moden dalam segala aspek kehidupan masyarakat yang sudah pun *matured*, masyarakat yang tinggi taraf pendidikannya, *value system* mereka pun lebih kukuh dan sebagainya. Inilah transformasi yang kita nak bawa melalui *Government Transformation Programme*, melalui falsafah yang saya telah luahkan 1MALAYSIA RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN dan pelbagai inisiatif lagi yang telah pun diperkenalkan oleh kerajaan.

7. Sehubungan dengan ini, satu perkara yang saya lihat bahawa keperluan sebuah masyarakat, *A Modern Malaysia* ialah supaya kita dapat membuat keputusan secara pantas - *speed of making decision and speed of execution*. Ini bukan saja kepada penjawat awam tetapi termasuk juga anggota pentadbiran kalau boleh secara *consciously* kita sebagai penjawat awam di samping anggota pentadbiran buat keputusan secara pantas tanpa

mengorbankan *the quality of decision* - bukan bererti buat keputusan yang pantas, buat secara terburu-buru, tidak pakai terjah orang kata, tapi *speed of making the right decision, the quality decision*. Jangan hendaknya ada *culture* pemikiran yang saya dengar-dengar di hujung telinga saya satu ketika dahulu ada juga orang kata kalau *public* nak sesuatu tu, kita punya *immediate response is to say no and reject* atau kita kalau dia beria-ria nak, dia *appeal*. Pemikiran seperti ini tak boleh lagi sesuai, jika ada, saya percaya tidak ada tetapi jika ada ia tidak lagi sesuai sebab sekarang ini masyarakat kita jangkaannya lain - mereka hendak *government* yang *responsive*, *government* yang faham akan keperluan mereka jangkaan mereka sudah lebih tinggi. Jadi penting bagi kita untuk membuat keputusan yang tepat secara pantas sebab itulah saya nak tekankan pada tahun ini dalam proses dalam kerajaan di semua peringkat ialah supaya kita melihat bagaimana kita boleh meningkatkan lagi proses membuat keputusan dan secara pantas - *speedy decision making and speedy execution*. Saya bagi satu contoh kerana saya nak sebut di sini – 23 Oktober Belanjawan 2010, saya mencadangkan RM10 Juta dibelanjakan tahun ini untuk mewujudkan 50 buah klinik 1Malaysia. Pada minggu pertama bulan Januari tahun ini, *first week of January*, 44 buah klinik 1Malaysia sudah pun dibuka dan

minggu kedua semua 50 dah siap untuk dibuka. Maknanya birokrasi yang besar seperti Kementerian Kesihatan boleh juga *deliver*, kalau ada fokus, kalau ada kesungguhan. Kalau kita tahu bahawa ini dia kehendak tuntutan, kita boleh buat *the system can deliver, the public service can deliver*.

8. Yang kedua saya nak sebut, bila saya tengok semangat, bila kita buat NKRA dan KPI, buat *labs* dan sebagainya pegawai – pegawai kerajaan mengadakan *brainstorming*, percambahan fikiran sampai pukul 5 pagi. Saya berbangga daripada pagi, malam, sampai ke pagi, saya berbangga komitmen penjawat-penjawat awam bererti penjawat-penjawat awam kita, kalau kita bagi motivasi - *motivate them*, kita bagi mereka galakan, kita wujudkan sistem yang boleh menjadi pemangkin kepada semangat yang gigih dan tinggi ini, mereka akan *respond* dengan curahan khidmat bakti yang luar biasa. Inilah saya nak sebut malam ini dalam Majlis Makan Malam SPA ini bahawa inilah antara ciri-ciri yang saya rasa bahawa ada sebab mengapa saya berasa optimis tentang masa depan negara Malaysia kita ini. Saya berasa yakin bahawa kalau inilah contoh-contohnya, kalau inilah dijadikan sebagai perkara yang boleh dikatakan norma dalam perkhidmatan awam kita, pencapaian yang luar biasa seperti ini, maka transformasi Malaysia sebagai

sebuah negara yang moden, berjaya, kompetitif, lagi dihormati, yang disegani, yang menjadi sinar harapan contoh terhebat, InsyaAllah, boleh menjadi realiti dan kenyataan. Dan inilah perjalanan hidup - inilah *the journey* yang saya nak perkhidmatan awam bersama-sama dengan saya dan kerajaan dan rakyat Malaysia yang keseluruhannya mudah-mudahan semangat ini tertanam dalam hati sanubari dan jiwa setiap penjawat awam di mana saja mereka berada. Saudara saudari adalah sebahagian daripada perjalanan ke arah transformasi bersama negara Malaysia kita yang tercinta. Saya percaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan tampil ke hadapan sebagai sebuah suruhanjaya dan badan yang berada di kelok pembaharuan ke arah transformasi besar negara Malaysia.

Terima kasih.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
MALAYSIA.

